

# 3 sektor dapat tambahan RM30b

## Pengeluaran makanan, pengangkutan awam dan basmi kemiskinan diutamakan

B.H 25/06/08 M153

Oleh Kadir Dikoh

**P**UTRAJAYA: Sektor pengeluaran makanan, pengangkutan awam dan pembasmian kemiskinan dijangka menerima peruntukan tambahan RM30 bilion menerusi Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat, esok.

Timbalan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri, Noriyah Ahmad, berkata tiga sektor itu diberi keutamaan selaras usaha kerajaan meringankan beban rakyat berikutan lonjakan harga minyak serta makanan.

"Kita akan memberi peruntukan lebih banyak untuk tiga sektor utama ini kerana ia langkah yang betul. Walaupun beberapa sasaran terpaksa dikaji semula, kerajaan masih berada di landasan betul dengan kadar pertumbuhan tahunan dijangka kekal enam peratus," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Tambahan RM30 bilion itu menjadikan peruntukan keseluruhan rancangan pembangunan lima tahun

sehingga 2010 itu meningkat kepada RM230 bilion.

Selain tiga sektor itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, juga dijangka mengumumkan beberapa langkah lain apabila membentangkan kajian separuh penggal RMK-9, esok.

Ia adalah kali pertama kajian separuh penggal RMK dibentang dalam tempoh kurang tiga tahun, berbanding sebelum ini yang lazimnya dilakukan pada akhir tahun ketiga atau awal tahun keempat.

Difahamkan, Perdana Menteri mengarahkan supaya pembentangan separuh penggal RMK-9 diawalkan supaya projek mesra rakyat dapat terus dilaksanakan dan disiapkan seperti dirancang.

Ketika membentangkan RMK-9 pada 31 Mac 2006, Abdullah mengumumkan lima teras Misi Nasional, iaitu meningkatkan nilai ditambah dalam ekonomi; meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi serta memupuk minda kelas pertama di kalangan rakyat; menangani ketidaksamaan sosioekonomi; meningkatkan mutu hidup rakyat serta mengukuhkan keupayaan ins-

titusi dan pelaksanaan negara.

Noriyah berkata, ia juga kali pertama keutamaan peruntukan dialihkan kepada sektor dan bukan lagi kementerian seperti yang biasa dilakukan sebelum ini.

"Lima teras untuk RMK-9 masih dikekalkan, tetapi pendekatan terpaksa diubah berikutan keadaan se-

masa bagi penambahbaikan sektor yang diberi keutamaan bagi faedah jangka panjang rakyat termasuk di luar bandar," katanya.

Beliau menjelaskan, lima teras itu akan diteruskan dalam usaha membawa pembangunan kepada rakyat dan pada masa sama dapat menarik pelaburan serta mengembangkan ekonomi.

Menjawab soalan, beliau berkata, dalam tempoh RMK-9, RM36 bilion diperuntukkan untuk sektor pengeluaran makanan dan program berkaitan.

"Kerajaan tetap komited untuk membangunkan lebih kapasiti pengeluaran makanan menerusi program jangka panjang seperti membaiki sistem saliran dan pembukaan kawasan pertanian baru. Pada masa sama, kerajaan akan terus membina keupayaan pembangunan modal insan dengan latihan sebagai keutamaan.

"Sejumlah RM40 bilion diperuntukkan dalam tempoh RMK-9 untuk pendidikan. Kerajaan juga akan membelanjakan RM2.4 bilion untuk projek jalur lebar berkelajuan tinggi iaitu projek prasarana yang boleh meningkatkan hasil rakyat serta men-

narik pelaburan," katanya.

Mengenai projek landasan berkembar Ipoh-Padang Besar yang diagihkan kepada Gamuda-MMC, beliau berkata, ia sudah bermula dengan kerjasama kerajaan negeri terbabit.

Katanya, wujud keperluan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan rel kerana terbukti ia adalah enam kali ganda lebih baik bagi mengangkut barangan.

Bagi program membasmi kemiskinan pula, beliau berkata lebih banyak projek dijangka dilaksanakan di Sabah kerana negeri itu mencatat kadar kemiskinan paling tinggi.

"Projek boleh membantu mengurangkan jurang sosioekonomi akan dipercepatkan dan lebih banyak dilakukan untuk Sabah," katanya.

Kadar kemiskinan tegar negara sudah berkurangan daripada 1.2 peratus pada 2004 kepada 0.7 peratus tahun lalu, manakala kadar kemiskinan keseluruhan ialah 3.6 peratus tahun lalu berbanding 5.7 peratus pada 2004.

Noriyah berkata, sasaran kerajaan ialah untuk mencapai tahap sifar kemiskinan tegar dan 2.8 peratus kemiskinan biasa menjelang 2010.

**FAKTA NOMBOR**

RMK-9

**RM36b**  
Sektor makanan

**RM40b**  
Pendidikan

**RM2.4b**  
Projek jalur lebar berkelajuan tinggi